

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK KOH NAI KWONG
[ALOR GAJAH]**

TARIKH : 17 JUN 2014 (SELASA)

SOALAN

Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab untuk semua pengendali teksi dengan permit yang akan tamat sebelum 31 Oktober tahun ini untuk menukar kereta kepada Proton Exora berwarna perang dan adakah Kementerian akan membantu pengendali teksi dengan kos penukaran tersebut.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.) telah mengumumkan Pelan Migrasi Industri Teksi pada 30 April 2014 yang lalu. Melalui pelan ini, semua teksi kelas perkhidmatan bajet dan eksekutif di Lembah Klang dan Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Pulau Pinang akan beralih kepada kelas jenis perkhidmatan baru iaitu Teksi 1Malaysia (TEKS1M) menggunakan Proton Exora seperti yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri pada 23 Mac 2013.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, polisi sedia ada telah menetapkan untuk semua kenderaan teksi dibenarkan beroperasi sehingga had usia kenderaan mencapai 10 tahun. Apabila kenderaan ini telah mencapai had usia, ia perlu ditukarkan kepada kenderaan teksi yang baru.

3. Pelan migrasi yang akan dikuatkuasakan untuk menukar kepada kenderaan Proton Exora adalah ditetapkan kepada kenderaan yang telah mencapai had usia 10 tahun sahaja. Ini bermakna, kepada kenderaan teksi yang belum mencapai had usia, operasinya boleh diteruskan seperti biasa. Ini adalah untuk memastikan bahawa proses migrasi ini tidak membebankan kedua-dua pemandu dan juga pengusaha teksi.

4. Berhubung dengan kos penukaran kenderaan, S.P.A.D. tidak memperuntukkan sebarang jenis bantuan kewangan khusus melalui

Pelan Migrasi Industri Teksi ini. Namun yang demikian, terdapat pelbagai inisiatif lain yang dirangka untuk membantu menjana pendapatan yang lebih tinggi bagi pemandu dan pengendali berlesen, antaranya seperti:

- (i) cadangan kadar tambang yang berbeza untuk TEKS1M yang lebih tinggi berbanding teksi bajet sedia ada;
- (ii) harga kenderaan yang akan dikecualikan cukai jualan dan duti eksais untuk pengendali berlesen individu;
- (iii) kawasan operasi yang lebih luas ke seluruh Semenanjung Malaysia termasuk KLIA dan KLIA2 bagi pemandu teksi di Lembah Klang dan Kuala Lumpur;
- (iv) pelaksanaan *Centralised Taxi Shared Service* (CTSS) di dalam memadankan permintaan dan penawaran bagi memastikan pemandu teksi mendapat lebih kilometer berbayar dan memaksimumkan penggunaan kenderaan; dan
- (v) penyediaan garis panduan kontrak sewa beli oleh S.P.A.D. bagi memastikan pemandu yang menyewa dengan syarikat memahami komponen-komponen yang akan mereka nikmati di bawah perjanjian sewa beli dengan syarikat.

Sekian, terima kasih.